



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

ANUGERAH SAINTIS MUDA NEGARA 2025

PUTRAJAYA, 8 JULAI 2024: Malaysia menasaskan untuk menjadi sebuah negara berteknologi tinggi menjelang tahun 2030, sebagaimana yang digariskan dalam Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2021–2030. Untuk merealisasikan aspirasi ini, negara bukan sahaja perlu memiliki kemudahan teknologi canggih, malah memerlukan kelompok bakat muda tempatan yang berwibawa, kreatif dan inovatif yang mampu membangunkan negara berteraskan sains, teknologi dan inovasi.

MENGANGKAT KECEMERLANGAN SAINTIS MUDA NEGARA

Sejajar dengan usaha ini, MOSTI terus komited mengiktiraf sumbangan anak muda melalui **Anugerah Saintis Muda Negara (ASMN)** — anugerah tahunan yang menghargai kecemerlangan saintis muda dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) STI. Diperkenalkan pada tahun 1985, ASMN telah menjadi platform penting dalam menyerlahkan potensi dan kreativiti saintis muda tanah air.

Pada tahun 2024, sebanyak lima (5) kategori baharu ASMN telah diperkenalkan dan sebanyak 45 pencalonan yang layak dinilai merangkumi dua (2) dalam bidang Fizik, lapan (8) dalam bidang Kimia, lapan (8) dalam bidang Biologi, 10 dalam bidang Perubatan dan 17 dalam bidang Kejuruteraan.

KRITERIA PEMARKAHAN BAHARU BAGI PENCALONAN ASMN 2025

Anugerah ini merupakan satu manifestasi komitmen MOSTI dalam merealisasikan slogan “*Merakyatkan Sains, Menginsankan Teknologi dan Mengarusperdanakan Inovasi*”. Inisiatif ini merupakan satu motivasi berterusan kepada saintis muda untuk terus mencipta, menyumbang dan memimpin perubahan teknologi negara.

Pada tahun 2025, MOSTI telah menyemak semula kriteria pencalonan anugerah agar selaras dengan perubahan dan keperluan semasa serta menarik lebih ramai pencalonan daripada institusi penyelidikan / syarikat swasta yang melaksanakan R&D dalam bidang STI.

Pencalonan terbuka kepada saintis warganegara Malaysia di bawah umur 40 tahun pada tahun pertandingan. Calon perlu menjalankan projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) di pusat penyelidikan dan institusi pengajian awam/swasta di Malaysia. Pencalonan perlu relevan dan mempunyai sumbangan yang signifikan kepada pembangunan dan kemajuan industri, masyarakat atau negara. Calon juga perlu berketerampilan serta mempunyai daya kreativiti, inovasi dan kompetensi sebagai seorang penyelidik yang berkaliber.

Setiap kategori anugerah akan menerima hadiah wang tunai berjumlah RM20,000 seorang, plak, sijil dan geran dana penyelidikan MOSTI sehingga RM1 juta (tertakluk kepada terma dan syarat Jawatankuasa Dana MOSTI).

Inisiatif penganjuran dan pengiktirafan Anugerah Saintis Muda Negara ini merupakan antara langkah strategik dalam mempersiapkan negara menghadapi cabaran masa hadapan. Anugerah ini memberi ruang untuk menetengahkan hasil penyelidikan yang berpotensi tinggi dalam menyelesaikan isu dan keperluan kehidupan seharian rakyat.

Usaha ini juga memainkan peranan penting dalam memastikan Malaysia terus melahirkan saintis muda yang berdaya cipta, berinovasi serta mampu menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Ini selaras dengan aspirasi untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju, makmur dan berdaya saing mengikut kerangka Malaysia MADANI.

Pendaftaran pencalonan kini **dibuka sehingga 29 Ogos 2025** dan boleh dibuat secara dalam talian melalui portal rasmi MOSTI di www.mosti.gov.my. Saintis muda yang layak digalakkan untuk mencalonkan diri atau dicalonkan oleh institusi masing-masing mengikut kriteria yang ditetapkan.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
8 JULAI 2025**